

PENGETAHUAN DAN PEMILIHAN KERJAYA DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN LIMA DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN JELI

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pemilihan dan pengetahuan kerjaya di kalangan pelajar tingkatan lima yang bakal akan menamatkan pelajaran mereka. Ia bertujuan untuk melihat pengetahuan tentang dunia pekerjaan yang mereka ketahui dan pemilihan kerjaya yang mereka buat.

Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan lima dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli dan melibatkan responden seramai 67 orang. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar aliran sastera dan sains. Taburan jantina adalah seperti berikut: iaitu 30 pelajar lelaki dan 37 pelajar perempuan dan pecahan mengikut aliran iaitu 36 pelajar aliran sastera dan 31 pelajar aliran sains. Hampir keseluruhan pelajar ini adalah daripada kawasan kediaman luar bandar, iaitu 97%.

Hasil daripada maklumat yang perolehi didapati bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang luas tentang dunia pekerjaan tetapi kebanyakan pilihan yang dibuat adalah daripada kumpulan satu berdasarkan kepada pecahan kumpulan pekerjaan yang di buat oleh ILO. Ini adalah hasil daripada pendedahan yang mereka perolehi daripada

pelbagai sumber yang ada pada hari ini. Pemilihan yang biasa dibuat oleh pelajar adalah berasaskan kepada minat dan kebolehan yang ada pada mereka dalam membuat pemilihan dalam sesuatu kerjaya yang bakal mereka akan ceburi.

Lima pilihan utama pekerjaan yang menjadi tumpuan pelajar ialah guru, doktor, arkitek, akauntan dan jurutera. Ini adalah mungkin kerana nama-nama pekerjaan ini adalah popular di kalangan pelajar dan di pandang hebat oleh masyarakat luar bandar terutamanya. Didapati juga tidak ada perhubungan antara jantina dengan penentuan dalam pemilihan kerjaya dan bantuan guru dalam pemilihan kerjaya yang bakal akan dibuat.

KNOWLEDGE AND CAREER CHOICE AMONG FORM FIVE STUDENTS IN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JELI

ABSTRACT

This researched was carried out to gather information regarding the knowledge and choices, ~~This research is to look their~~ regarding careers among form five students. The sample was chosen from Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli and involved 36 students from the arts stream and, 31 students from the science stream. There were 30 males and 37 females, in the sample. Almost 97% of sample was from the rural area.

The findings show that the students have wide knowledge about occupations but its only occupation base on classification by ILO(International Labor Organization). The choice of career among form five student is based on interest and capability.

The top five careers which students choose were teachers, doctors, accountants, engineers, and architects. They choose these careers because they are very popular among the students and in society at large. The data indicate that there is no significant difference between the sexes in the choice of the type of job and in their degree of dependence on the guidance of the teacher in choosing a job.